

## KENYATAAN MEDIA

### KEUNIKAN SENI HALUS PERHIASAN MAHKOTA

Buat julung-julung kalinya, bersempena dengan Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong Ke-14, Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan mengadakan Pameran Perhiasan Mahkota bertemakan "**Lambang Peradapan & Ketamadunan Manusia**".

Pameran yang akan berlangsung di Galeri C, Muzium Petaling Jaya ini bersedia menemui orang ramai bermula pada 21 April 2012 hingga 12 Julai 2012. Waktu lawatan akan dibuka untuk orang ramai dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang setiap hari kecuali pada hari Jumaat dan Cuti Umum sahaja masuk adalah percuma.

Sebagai makluman sebanyak 45 unit koleksi perhiasan mahkota telah dihimpunkan bagi tujuan pameran ini. Pengunjung akan dapat melihat sendiri dengan lebih dekat pelbagai jenis dan ragam hias perhiasan mahkota yang di datangkan khas dari beberapa buah Negara antaranya dari Malaysia, Indonesia, India, Vietnam, Thailand, Turki, Korea, China dan lain-lain lagi.

Jangan lepaskan peluang anda untuk mempelajari, mengenali dan mendekati kepelbagaian serta keunikan seni halus hiasan mahkota ini.

Sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi atau datang ke Muzium Petaling Jaya, Jalan 10/7, Seksyen 10, Taman Jaya, 46000 Petaling Jaya, Selangor di talian 03 7954 8122. Orang ramai juga boleh melayari laman web majlis di [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my).

Di sediakan oleh:

**Sekretariat Media,  
Unit Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:  
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my  
Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, ahmadiskandar@mbpj.gov.my